

18 APR 1996

Rahim-Senjata

POLIS KAJI PROSEDUR PEMILIKAN SENJATA API

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Polis sedang mengkaji semula prosedur pemilikan senjata api bagi individu di negara ini khususnya senjata kecil, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor.

Beliau berkata polis sedang menimbang semula keperluan bagi individu memiliki senjata api kerana kriteria untuk mendapat kelulusan memilikinya sudah lama diamalkan di negara ini sejak zaman pemerintahan British.

"Zaman British ketika itu dipenuhi dengan unsur-unsur komunis dan kegiatan kongsi gelap sedangkan keadaan kini sudah berubah," katanya kepada pemberita sewaktu melawat Hospital Kuala Lumpur di sini hari ini sempena sambutan Hari Polis Ke-189.

Bagaimanapun, katanya, kriteria pemilikan senjata api itu sememangnya sudah diperketatkan sejak 10 tahun lepas kecuali beberapa aspek sebagai contohnya yang membabitkan agensi swasta.

Pemilikan senjata api di negara ini menjadi isu hangat dengan penahanan bekas juara penembak skeet kebangsaan Vincent Teo yang disyaki terbabit dengan kegiatan penjualan senjata api secara haram dan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembekuan pengeluaran lesen senjata api yang baru.

Sehubungan itu, katanya, polis akan menghantar kertas cadangan berhubung kriteria pemilikan yang dikaji itu serta lain-lain perkara berkaitan senjata api kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk dipertimbangkan.

Rahim berkata, kertas cadangan itu akan diserahkan kepada KDN sebaik sahaja kajian polis, yang memerlukan masa untuk menyediakan cadangan itu, selesai.

Beliau berkata semua premis yang menjual senjata di seluruh negara akan diperiksa melalui penyemakan stok.

"Oleh kerana kita menghadapi masalah kekurangan anggota, bagi Semenanjung kita mulakan dengan Selangor dahulu," katanya.

Katanya, Selangor dipilih memandangkan lokasinya yang paling hampir dengan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Mengulas perkembangan di Sabah, Rahim berkata polis masih meneruskan siasatan berhubung penjualan dan pengedaran senjata api secara haram.

Beliau tidak menolak kemungkinan beberapa orang lagi akan ditahan berhubung kes itu dan menurutnya polis sedang mengumpulkan maklumat untuk membongkar sindiket yang mendalangi kegiatan itu.

"Apa yang terdapat kini hanya `scratching the surface'. Kita masih belum berpuashati. Saya rasa banyak lagi yang boleh diperolehi," katanya.

Beliau berkata sehingga kini masih belum terdapat pegawai kanan polis ditahan berhubung kes senjata api itu sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. -- Bernama

AAH/LES ZAB